



TEKS UCAPAN

**TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM JELAJAH TAAT SETIA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE NEGERI SABAH**

9 MEI 2025

SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC)

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada pengerusi majlis

Salutasi mengikut skrip Pengacara Majlis

Rakan Media serta hadirin tuan puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, barisan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Sabah, serta YBhg. Dato/Tuan/Puan seluruh hadirin/ warga penjawat awam yang turut serta bersama saya pada pagi yang indah ini sempena Program Jelajah Taat Setia Peringkat Negeri Sabah.
2. Suka untuk saya kongsi bahawa Negeri Sabah merupakan tuan rumah **kedua bagi Siri Jelajah (Taat Setia)** ini setelah Jelajah Taat Setia Siri 1 telah diadakan di Seremban, Negeri Sembilan pada 21 Mac 2025 yang lalu. Terima kasih saya ucapkan.

NILAI TAAT SETIA KEPADA PENJAWAT AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Apabila kita hendak berbicara soal nilai-nilai taat setia kepada penjawat awam, ianya adalah asas penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran negara dan kesejahteraan masyarakat. Penjawat awam berperanan sebagai tulang belakang dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan memberikan

perkhidmatan kepada rakyat. Oleh itu, nilai taat setia yang tinggi amat diperlukan bagi memastikan setiap penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan integriti, profesionalisme, dan dedikasi.

4. Dalam melihat perspektif yang luas berkaitan makna “**KESETIAAN**”, ada lima (5) aspek yang perlu di beri perhatian :
 - i. **Kesetiaan kepada Perlembagaan dan Undang-Undang Negara;**
 - ii. **Kesetiaan dalam memberikan komitmen terhadap tugas dan amanah yang diberikan;**
 - iii. **Kesetiaan dalam pengamalan sikap profesionalisme;**
 - iv. **Kesetiaan dalam melahirkan kepercayaan awam; dan**
 - v. **Kesediaan berkhidmat demi Negara.**

CABARAN GLOBAL YANG KOMPLEKS

5. Kita hidup dalam era yang penuh cabaran merentasi sempadan penghujungnya. Dunia berdepan cabaran global yang pelbagai tidak kira dari aspek ekonomi, politik, keselamatan hingga kepada aspek kemanusiaan. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja bersifat rentas sempadan, bahkan saling berkait antara satu sama lain, menjadikannya lebih sukar untuk ditangani.
6. Contohnya, perang tarif antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China yang tercetus sewaktu pentadbiran Presiden Trump memberi kesan langsung kepada kestabilan ekonomi

global. Ketegangan geopolitik pula seperti konflik di Laut China Selatan dan perang berpanjangan di Timur Tengah yang mempertontonkan kepada kita bagaimana penderitaan rakyat Palestin sehingga menggugat keamanan serantau dan menuntut solidariti kemanusiaan sejagat.

7. Cabaran-cabaran ini memberi kesan kepada Malaysia dari segi kestabilan harga, pelaburan luar negara, keselamatan siber, serta dasar luar negara. Justeru, peranan penjawat awam amat penting dalam memastikan tadbir urus negara kekal kukuh, telus dan responsif dalam mendepani situasi global yang sentiasa berubah-ubah ini.
8. Dalam konteks ini, taat setia penjawat awam menjadi tonggak utama kepada kestabilan pentadbiran. Kita mesti terus teguh menyokong dasar kerajaan yang sah, menjunjung prinsip kedaulatan undang-undang, dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti serta profesionalisme. Dalam erti kata lain, taat setia kita diuji bukan sahaja semasa aman, tetapi lebih penting ketika negara berdepan dengan tekanan global yang mencabar.

NILAI-NILAI MALAYSIA MADANI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Seringkali saya kongsikan berkaitan dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang perlu diterapkan, dibudayakan dan diamalkan oleh setiap penjawat awam. Erti kata lain, dalam melaksanakan apapun tugas dan tanggungjawab, penjawat awam mesti mendokong nilai-nilai Malaysia MADANI yang mana menjadi tunjang pembinaan Negara Bangsa. Suka untuk saya ingatkan, nilai ini bukan hanya menjadi slogan, tetapi mesti diterjemahkan dalam amalan kerja harian sebagai bentuk taat setia kepada pentadbiran Negara.
10. Setiap nilai MADANI ini pastinya memberikan impak yang besar kepada pembentukan budaya kerja tuan-puan di setiap organisasi masing-masing. Nilai adil kepada rakyat tanpa mengira kedudukan, tanpa prejudis, tanpa ada rasa pilih kasih tidak kira dalam apa jua situasi dan perkara yang dipersetujui. Lambang keadilan itu menjadi budaya yang sangat dekat dalam pucuk pimpinan organisasi.
11. Begitu juga dalam soal hak dan menjunjung kebebasan, penjawat awam harus menyokong hak rakyat bersuara secara tertib, dan dalam masa yang sama mengekalkan disiplin dalam menyampaikan dasar kerajaan tanpa pengaruh kepentingan

peribadi.

12. Saya percaya nilai-nilai ini jika dipraktikkan sepenuh hati akan membentuk penjawat awam yang bukan sahaja efisien dan profesional, tetapi juga memiliki jiwa patriotik yang sebenar iaitu bekerja kerana cinta dan taat setia kepada negara, bukan semata-mata mengharapkan balasan ganjaran.

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Pada 10 September 2024 yang lalu, saya telah memperkenalkan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang merupakan satu agenda penting dalam memastikan sistem pentadbiran negara kekal relevan, berdaya saing dan inklusif. Lima (5) Teras Keberhasilan Reformasi (TKR) yang telah diperkenalkan memberi tumpuan kepada;
 - (i) Penghayatan Nilai dan Tatakelola,
 - (ii) Pembangunan Modal Insan,
 - (iii) Pembangunan Organisasi,
 - (iv) Penyampaian Perkhidmatan,
 - (v) Memperkukuh Sinergi Awam dan Swasta.

Bagi menyokong pelaksanaan reformasi ini, lima (5) fokus utama turut diperkenalkan, iaitu;

- (i) Pengurusan Projek,
- (ii) Pengurusan Kewangan
- (iii) Pengantarabangsaan
- (iv) Pengukuran, Pemantauan dan Penilaian Prestasi; dan
- (v) Komunikasi Total.

14. Saya melihat perkara ini dalam konteks di Negeri Sabah, penjawat awam memainkan peranan yang amat penting sebagai penghubung dasar antara kerajaan persekutuan dan rakyat di negeri ini. Ciri-ciri geografi Sabah yang luas dan cabaran dari segi capaian logistik memerlukan reformasi disesuaikan dengan realiti tempatan. Justeru, penjawat awam di Sabah bukan sahaja perlu cekap dan kompeten, tetapi juga fleksibel dan kreatif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

15. Selain kita tahu yang Sabah kaya dengan kepelbagaian budaya dan latar belakang masyarakat, pengamalan nilai-nilai inklusif, hormat-menghormati dan kepekaan terhadap keperluan setempat perlu sentiasa dibudayakan. Dalam usaha melaksanakan reformasi perkhidmatan, suara dan keperluan rakyat Sabah perlu

terus diberi tempat yang sewajarnya. Saya yakin dan percaya, dengan komitmen serta taat setia yang tinggi, penjawat awam di Sabah akan terus menjadi tunggak kestabilan, penyampai dasar yang berkesan dan agen perubahan yang menyumbang kepada kemajuan negeri serta kesejahteraan rakyat.

ISU INTEGRITI DAN PATRIOTISME

16. Dalam masa yang sama, kita tidak boleh menafikan bahawa isu integriti dalam kalangan penjawat awam masih wujud. Laporan audit dan siasatan dari agensi penguatkuasa menunjukkan wujudnya kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dana, serta kecuaiian dalam pelaksanaan tugas. Contohnya, terdapat kes perolehan tidak telus dan projek pembangunan terbengkalai yang menjejaskan kepercayaan rakyat.

17. Patriotisme dalam kalangan penjawat awam bukan hanya sekadar menyanyikan lagu kebangsaan atau mengibarkan Jalur Gemilang. Ia merangkumi keberanian untuk menolak rasuah, kejujuran dalam menegakkan amanah, dan kesungguhan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Inilah semangat patriotisme yang sebenar dengan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.

18. Namun, masih wujud segelintir kecil yang mencemarkan imej perkhidmatan awam. Contohnya, kes kebocoran maklumat operasi oleh orang dalam, penyelewengan dana awam, dan penyalahgunaan media sosial untuk menyebarkan maklumat palsu atau menghina dasar kerajaan.
19. Ini bukan sahaja menjejaskan integriti individu, tetapi melemahkan semangat patriotisme seluruh organisasi. Tindakan ini menyalahi semangat taat setia dan bertentangan dengan sumpah perkhidmatan yang telah kita ikrarkan.
20. Justeru, saya ingin mengajak semua penjawat awam di Sabah khususnya agar menanamkan integriti sebagai asas kerja, dan memupuk semangat patriotisme yang sejati dalam setiap tindakan. Jika kita semua bersatu, jujur dan berdisiplin, tidak ada reformasi yang mustahil untuk dicapai.
21. Saya yakin dan percaya, dengan komitmen dan taat setia yang tinggi, penjawat awam di Sabah akan terus menjadi tonggak kestabilan, penyampai dasar yang berkesan dan agen perubahan yang menyumbang kepada kemajuan negeri serta kesejahteraan rakyat.

PENINGKATAN PRODUKTIVITI SEBAGAI TINDAK BALAS KEPADA PENGIKTIRAFAN

22. Setiap pengiktirafan tidak boleh berakhir sebagai bentuk ganjaran semata-mata. Ia perlu dijawab dengan tindakan dan tindakan paling utama ialah peningkatan produktiviti.

23. Produktiviti bukan semata-mata bermaksud bekerja lebih lama atau lebih kuat, tetapi bekerja dengan lebih bijak, lebih cekap dan lebih berimpak. Dalam konteks penjawat awam, ia bermakna penyampaian perkhidmatan yang pantas, responsif, mesra rakyat dan bebas daripada kerenah birokrasi. Negeri Sabah adalah negeri yang unik dari sudut budaya, geografi dan sosioekonomi. Ciri-ciri ini menjadikan cabaran kepada penjawat awam di Sabah. Namun, di sebalik cabaran ini, Sabah juga menyimpan potensi besar.

24. Oleh itu, penjawat awam di Sabah harus melihat pengiktirafan yang diberi oleh kerajaan bukan hanya sebagai penghargaan, tetapi sebagai kepercayaan bahawa tuan-tuan dan puan-puan mampu memimpin perubahan, mencipta inovasi tempatan dan menyesuaikan dasar persekutuan kepada keperluan lokal.

25. Era digitalisasi menuntut penjawat awam menjadi lebih celik teknologi, lebih tangkas dan lebih terbuka kepada perubahan. Aplikasi mudah alih, automasi dan data raya perlu dimanfaatkan untuk mempercepat proses kerja, mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kepuasan rakyat. Begitu juga dengan peningkatan produktiviti mestilah didasari oleh nilai-nilai teras seperti integriti, amanah, akauntabiliti dan semangat patriotisme. Produktiviti tanpa nilai hanya akan menghasilkan sistem yang pantas tetapi rapuh.
26. Sabah berpotensi menjadi model negeri yang mempunyai penjawat awam paling produktif bukan kerana kemudahan lengkap semata-mata, tetapi kerana semangat kental, kesatuan hati dan keinginan untuk berbakti kepada rakyat.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

27. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri, bersama-sama rakan agensi lain yang terlibat yang telah menjayakan program pada hari ini. Dalam usaha

memperkukuh semangat taat setia dalam kalangan penjawat awam, AKM telah memainkan peranan penting sebagai institusi latihan dan memupuk nilai kenegaraan.

28. Bagi memperluas capaian program-program AKM ke seluruh negara termasuk Sabah, kita dapat memastikan bahawa semangat patriotisme dan nilai integriti sentiasa mekar dalam jiwa setiap penjawat awam yang bukan sahaja sebagai pelaksana dasar, tetapi sebagai pembina negara bangsa yang berjiwa besar dan bersatu padu.
29. YBhg. Dato'/ Tuan-tuan dan puan-puan, akhir sekali saya menyeru agar taat setia bukan hanya slogan untuk dilaungkan sahaja, tetapi ia adalah amanah yang diterjemah melalui tindakan, disiplin dan prestasi. Dalam era penuh cabaran ini, kita adalah benteng pertahanan terakhir kestabilan negara. Berkhidmatlah dengan ikhlas dan penuh dedikasi. Bersama kita jayakan reformasi demi Malaysia yang lebih cemerlang, berdaya saing dan berdaulat.

Sekian,

Wabillahitaufiq wal hidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.